

PENGGUNAAN TEKNOLOGI BARU DALAM SISTEM PENANAMAN
PADI DI KAWASAN LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN
MUDA (MADA) : SATU KAJIAN KES
DI KAMPUNG BANGGOL BESI,
PENDANG, KEDAH

OLEH

ABU MANSOR BIN AHMAD

BAHAGIAN GEOGRAFI
UNIVERSITI SAIN MALAYSIA
PULAU PINANG
Februari, 1985

Buat ibu yang tidak pernah jemu menabur jasa, pengorbanan dan memanjatkan doa restu untuk kejayaan.

Buat isteri yang benar-benar memahami dan sabar menunggu dengan pengorbanan dan kasih sayang.

Buat seisi keluarga yang sentiasa merangsangkan semangat kejayaan.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN
BAHAGIAN GEOGRAFI

PENGGUNAAN TEKNOLOGI BARU DALAM SISTEM PENANAMAN
PADI DI KAWASAN LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN
MUDA (MADA) : SATU KAJIAN KES
DI KAMPUNG BANGGOL BESI,
PENDANG, KEDAH.

Satu kajian untuk memenuhi keperluan kursus
Latihan Ilmiah di Bahagian Geografi
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
sebagai memenuhi syarat
pengijazahan Sarjana
Muda Sastera (dgn. kepujian)
Sidang Akademik 1984/85

OLEH

Abu Mansor bin Ahmad

PENYELIA

En. Hassan Naziri bin Khalid

Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang
1984

SEKAPUR SIRIH

Alhamdulillah, saya panjatkan rasa syukur ke hadrat Allah S.N.T., Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Bijaksana kerana dengan limpah kurniaNya jualah, maka latihan ilmiah ini dapat disiapkan dengan sebaik mungkin, setakat mana yang terdaya oleh saya sebagai hambanya yang daif.

Kajian yang mengandungi tujuh bab ini adalah berkaitan dengan Geografi Manusia di mana penekanan tertumpu kepada penggunaan teknologi baru dalam sistem penanaman padi di kawasan MADA, khususnya di Kampung Banggol Besi, Pendang. Penggunaan teknologi baru telah memperlihatkan peningkatan taraf sosio-ekonomi petani-petani kecil padi di kawasan tersebut setelah mereka menadaptasikan teknologi baru dalam aktiviti perusahaan penanaman padi.

Penghargaan terima kasih yang tidak terhingga saya rakamkan kepada En. Hassan Naziri bin Khalid, penasihat latihan ilmiah saya yang begitu bersabar di dalam membimbing, menunjuk-ajar, memberi kritikan membina dan akan membuat penilaian terhadap penulisan saya ini. Tanpa teguran, bimbingan dan kritikan yang membina dari beliau, sudah pasti penulisan ini akan menemui banyak kelemahannya. Hanya Allah sahajalah yang layak memberi ganjaran pahalaNya kepada beliau.

Tidak ketinggalan juga, saya rakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada para pensyarah Geografi, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, terutamanya kepada En. Morshidi bin Sirat selaku Pengerusi Bahagian Geografi yang turut memberikan tunjuk-ajar dan buah fikiran yang membina kepada saya bagi menjayakan kajian dan penulisan latihan ilmiah ini.

Kepada agensi-agensi kerajaan dan pengembangan, terutamanya MADA dan Pertubuhan Peladang Kawasan F III, Pendang, Penghulu Mukim dan sebagainya, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana banyak membantu saya untuk mendapatkan berbagai data dan fakta untuk tujuan penulisan kajian ini. Juga terima kasih saya yang tidak terhingga kepada En. Abdul Aziz bin Hashim, Penghulu Mukim Guar Kepayang yang sudi membenarkan kajian dijalankan di kawasan pentadbiran beliau serta memberikan kerjasama dan bantuan berupa berbagai fakta dan peta-peta yang khusus berkenaan dengan kawasan kajian.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada En. Mohd. Ros Ali, Ketua Pemeriksa Taliair MADA III (Pendang), En. Mohd. Ghazali Hj. Putih, Pengurus Pertubuhan Peladang Kawasan F III, Pendang, En. Baharuddin Mahmud dan En. Ramli Ahmad, pegawai-pegawai pertanian MADA, Bahagian Pertanian, En. Ho Nai Kin, pegawai kanan pertanian, MADA Ampang Jajar kerana turut menyediakan berbagai fakta dan maklumat, pandangan, buah fikiran dan cadangan yang amat berharga untuk tujuan penulisan kajian ini.

Penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Cik Fong Swee Khem, Pegawai Perpustakaan MADA, Teluk Chengai yang telah membenarkan saya menggunakan segala kemudahan perpustakaan di samping turut membantu dan memberi berbagai fakta, maklumat dan data-data yang amat berharga kepada saya bagi menyempurnakan penulisan kajian ini.

Kepada petani-petani kecil Kampung Banggol Besi, khasnya responden yang telah memberikan kerjasama dan bantuan bagi mendapatkan data-data dan maklumat semasa penyelidikan dijalankan, saya mengucapkan ribuan terima kasih dan sentiasa berdoa agar tuan-tuan diberkati Allah dan menikmati kesejahteraan hidup dalam satu masyarakat keluarga tani yang bahagia.

Kepada kawan-kawan, khasnya Yaakob, Khaizi, Zul, Uncle, Jamil, Ajak dan Di, saya ucapkan ribuan terima kasih di atas segala bantuan saudara semua. Terima kasih yang paling istimewa kepada Iza yang telah banyak membantu serta memberi galakan dan dorongan bagi menyempurnakan penulisan kajian ini. Kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung, saya ucapkan ribuan terima kasih, semoga Allah jua yang membalas budi dan jasa baik itu.

Sekian.

Februari 1985
Bahagian Geografi
Universiti Sains Malaysia.

ABSTRAK

Latihan Ilmiah ini adalah bertujuan untuk melihat beberapa aspek tentang penggunaan teknologi baru dalam sistem penanaman padi di kawasan MADA, khususnya di Kampung Banggol Besi. Teknologi baru yang dimaksudkan termasuklah sistem perairan yang moden, bahan-bahan input teknologi seperti baja kimia, racun dan benih baka baik serta elemen teknologikal kejenteraan seperti traktor dan jentera tuai padi. Kajian ini cuba meninjau keberkesanan penggunaan teknologi baru di samping melihat masalah-masalah yang berkaitan dengan penggunaannya di dalam sistem penanaman padi.

Bertitik tolak dari Rancangan Malaysia Kedua, dalam usaha untuk meningkatkan taraf hidup petani-petani dengan pendapatan yang lebih baik dan seterusnya mencapai taraf kecukupan (self-sufficiency) kerajaan telah memperkenalkan teknologi baru dalam perusahaan penanaman padi melalui berbagai agensinya seperti MADA, MARDI, Jabatan Pertanian, Pertubuhan Peladang dan lain-lain.

Penggunaan teknologi moden dalam perusahaan penanaman padi telah turut mengubah struktur sosio-ekonomi masyarakat tani. Dari kajian mengenai penggunaan teknologi baru di kawasan ini, didapati bahawa penggunaan teknologi baru telah dapat meninggikan lagi hasil pengeluaran padi dan pendapatan petani-petani. Justru itu, pada keseluruhannya petani-petani telah menunjukkan sikap penerimaan yang positif terhadap penggunaan teknik-teknik dan kaedah-kaedah moden dalam perusahaan penanaman padi mereka. Dari satu sudut, penggunaan teknologi baru telah dapat mengatasi beberapa masalah dan keperluan petani-petani dalam aktiviti perusahaan penanaman padi. Tetapi di sudut lain, dengan